

07 JUL 2004

Razaleigh-Sokong

VETERAN UMNO PERTAHAN TINDAKAN KU LI INGIN BERTANDING

KOTA BAHARU, 7 Julai (Bernama) -- Veteran Umno Tan Sri Hussein Ahmad mempertahankan anggota Majlis Tertinggi Tengku Razaleigh Hamzah yang berhasrat bertanding jawatan tertinggi Umno pada pemilihan September ini dengan berkata ia satu langkah menghidupkan amalan demokrasi dalam parti.

Beliau berkata tindakan Tengku Razaleigh menyuarakan kesediaannya bertanding sekiranya dicalonkan untuk jawatan yang sesuai baru-baru ini, perlu dilihat sebagai satu cara menyemarakkan amalan demokrasi dalam Umno dan golongan pemimpin muda tidak sepatutnya salah faham.

"Tengku Razaleigh mengumumkan sedemikian adalah sekadar untuk membuktikan demokrasi masih lagi wujud dalam Umno dan pemimpin parti tidak seharusnya meminta anggota parti jangan cabar jawatan presiden dan timbalan presiden kerana itu mencabar hak demokrasi dalam parti.

"Saya tahu Ku Li (Tengku Razaleigh) menghayati perjuangan Umno, tidak ada jawatan yang nak dikejar beliau dalam Umno. Pada saya, tindakannya hanya sekadar untuk mengatakan demokrasi masih kekal dalam Umno," kata bekas ketua penerangan Umno itu kepada Bernama, di sini hari ini.

Tengku Razaleigh yang juga ketua penaja Umno bahagian Gua Musang, baru-baru ini menyuarakan kesediaan beliau untuk bertanding jawatan dalam parti yang layak dan sesuai dengannya, sekiranya dicalonkan.

Berikutan kenyataan itu, timbul desas-desus menyatakan Tengku Razaleigh berhasrat bertanding antara dua jawatan tertinggi parti -- jawatan presiden yang kini dipangku Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan timbalan presiden yang tugasnya kini dijalankan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Ia juga menjadi isu kerana MT sebelum ini telah bermesyuarat dan bersetuju supaya kedua-dua jawatan itu tidak dipertandingkan.

Kenyataan itu juga mengundang pelbagai komen dari pemimpin Umno lain yang rata-ratanya meminta Tengku Razaleigh untuk tidak mencabar

kedua-dua
jawatan berkenaan dengan alasan supaya tidak timbul pecah-belah
dalam
parti.

Mengulas perkara berkenaan, Hussein berkata: "Tengku Razaleigh
adalah
seorang pemimpin veteran dalam Umno yang pernah merasai pengalaman
pahit
apabila berlaku perpecahan dalam parti dan beliau tentu sekali tidak
mahu
perkara sebegitu berulang kembali.

"Percayalah Ku Li tidak akan pecah belahkan perpaduan Umno
lagi,"
katanya. (Pada 1987, Tengku Razaleigh mencabar Tun Dr Mahathir
Mohamad bagi
jawatan presiden Umno tetapi tewas dan menubuhkan parti serpihan
Semangat
46. Beliau juga pernah bertanding jawatan timbalan presiden pada
1981 dan
1984 tetapi tewas kepada Tan Sri Musa Hitam)

Bagaimanapun, katanya, sama ada Tengku Razaleigh akan bertanding
jawatan tertinggi atau tidak, tidak seharusnya menjadi isu kerana
apa yang
perlu diperhatikan oleh pemimpin tertinggi Umno ialah sikap
kebanyakan
pemimpin di peringkat bawahan yang masing-masing berebut untuk
menjadi
anggota perwakilan sehingga berlaku politik wang.

"Saya ada mendapat maklumat, masih ada lagi yang mengamalkan
politik
wang, bukan saja di Kelantan tapi di seluruh negara. Ramai yang
sampai
sanggup beli jawatan," dakwanya.

-- BERNAMA

SHI RAR RON